

11/03/1997

Majikan wajib sedia kursus keselamatan

KUALA KANGSAR, Isnin - Kerajaan Perak mengarahkan semua majikan sektor perindustrian dan pembinaan di negeri ini menyediakan kursus keselamatan kepada pekerjaannya bagi mengurangkan kadar kemalangan industri.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata pihaknya percaya jika setiap kilang menjalankan program khusus mengenai keselamatan, masalah kemalangan industri dapat dicegah pada tahap paling minimum.

Menurutnya, majikan tidak seharusnya hanya menawarkan pekerjaan kepada orang ramai, tetapi perlu menyediakan program keselamatan kepada pekerjaannya agar lebih peka terhadap aspek keselamatan ketika bekerja.

"Walaupun Perak kini mencatat jumlah kemalangan industri tertinggi di negara ini, saya berpendapat kita tidak perlu lagi menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menangani masalah itu.

"Apa yang penting ialah kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Industri dan Pembangunan Usahawan negeri dengan Kementerian Sumber Manusia mengenai kes itu," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Yayasan Kemajuan Kuala Kangsar dan Majalah Minda Wawasan di Dewan Merdeka, di sini hari ini.

Pada majlis itu kira-kira RM170,000 berjaya dikutip bagi mengisi tabung Yayasan Kemajuan Kuala Kangsar.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Wan Abdul Wahab Abdullah berkata kadar kemalangan industri di Perak mencatat jumlah yang paling tinggi, iaitu 17,790 daripada 103,000 kes di seluruh negara, pada tahun lalu.

Kes kemalangan itu meliputi 17 peratus daripada jumlah kes keseluruhan di negeri ini. Daripada jumlah itu sebanyak 1,200 kes dilaporkan di Tapah, Teluk Intan (2,131), Kuala Kangsar (2,120), Taiping (4,039) dan Ipoh (8,300).

Sementara itu, Ramli berkata, kebanyakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Perak dari Barisan Nasional (BN) akan mengikuti kursus komputer bagi mendedahkan mereka terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC), di Institut Tabiran Awam Negara (Intan) mulai 12 Mac hingga 15 Mac ini.

Menurutnya, kursus itu selaras saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ingin melihat rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang berkenaan.

(END)